

## ***AL-MAQṢAD AL-ASNĀ SEBAGAI SEBUAH KARYA AKIDAH AL-GHAZĀLĪ***

Mohd Hasrul Shuhari, PhD

Felo Biasiswazah

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

[zamiluna85@yahoo.com](mailto:zamiluna85@yahoo.com).

Mohd Fauzi Hamat, PhD

Profesor Madya

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

[mfhamat@um.edu.my](mailto:mfhamat@um.edu.my)

### **Khulasah**

Makalah ini akan membahaskan kitab *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā* sebagai sebuah karya ilmiah dalam bidang akidah. Ia ditulis oleh salah seorang ulama muktabar yang begitu dikenali di dunia Islam iaitu Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (m. 505H). Makalah ini berasaskan metode kualitatif iaitu berbentuk analisis kandungan (*content analysis*) terhadap kitab al-Ghazālī ini. Antara yang akan disentuh ialah sorotan ringkas latar belakang pengarang, latar belakang kitab, tema penulisan, kandungan kitab dan sumber rujukan. Ia juga akan menjelaskan ciri-ciri keistimewaan kitab yang merangkumi metode penulisan, kesesuaian dengan sasaran pembaca, pengaruh kitab kepada para ulama dan kewajarannya dijadikan karya rujukan dalam bidang akidah. Makalah ini menyimpulkan bahawa kitab *al-Maqṣad al-Asnā* merupakan salah satu karya ilmiah dalam bidang akidah yang wajar dirujuk oleh umat Islam.

**Kata Kunci:** *al-Maqṣad al-Asnā*, Akidah, *al-Asmā'* *al-Ḥusnā*, al-Ghazālī

### Abstract

This article is a discourse on *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, an intellectual book on the ‘Aqeedah (Islamic creed). The book was written by one of the most highly respected and recognized scholar in the Islamic world, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (d. 505H). This article is based on qualitative method which is content analysis on this book by al-Ghazālī. The article will dwell on the a short background of al-Ghazālī as the writer, the theme of the book, its contents and its references. This article will also look at unique characteristics of the book including its method of writing, its suitability to the target reader, its influence to religious scholars and the rationale of adopting it as a reference in the field of ‘Aqeedah. This article concludes that the book *al-Maqṣad al-Asnā* is one important academic work on ‘Aqeedah that should be referred to by the Muslims.

**Keywords:** *al-Maqṣad al-Asnā*, ‘Aqīdah, *al-Asmā’ al-Ḥusnā*, al-Ghazālī

### Pendahuluan

Penulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā* ialah Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi‘ī dilahirkan pada tahun 450H di Tus. Beliau pernah belajar dengan Imām al-Haramayn<sup>1</sup> (m. 478H) dan merupakan seorang yang

---

<sup>1</sup> Beliau ialah Abū al-Ma‘ālī al-Juwainī ‘Abd al-Malik ibn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh ibn Yūsuf. Gelaran *Imām al-Haramayn* adalah gelaran yang diberikan kepadanya kerana beliau pernah menetap dan mengajar di dua tanah suci, iaitu Mekah dan Madinah kira-kira 4 tahun. Tokoh pemikir yang bermazhab Shāfi‘ī dan mendokongi aliran mazhab *al-Ashā’irah* ini telah menghasilkan banyak karya ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu dalam Islam. Antaranya ialah kitab *al-Shāmil fī Usūl al-Dīn*, *al-Irshād*, *al-‘Aqīdah al-Nizāmiyyah*, *al-Burhān fī Usūl al-Fiqh* dan lain-lain lagi. Beliau telah dilantik sebagai tenaga pengajar di Madrasah *al-Nizāmiyyah* sekembalinya dari tanah suci. Kuliah pengajian yang disampaikan oleh beliau dihadiri kira-kira 300 orang penuntut. Untuk keterangan

sangat pintar dalam pelbagai bidang. Beliau memiliki kitab-kitab yang ditulis dalam pelbagai bidang keilmuan di mana sehingga kini kitab-kitabnya sangat mempengaruhi para pembaca. Majlis-majlis pengajiannya dihadiri oleh para ulama yang terkenal. Beliau digelar *ḥujjat al-Islām* (penghujah Islam) dan pemikirannya sangat mempengaruhi khazanah intelektual Islam dalam bidang seperti falsafah, tasawuf, teologi dan akhlak. Beliau merupakan salah seorang ulama besar dalam mazhab *al-Shāfi’ī* dalam bidang fiqh dan merupakan ulama besar *al-Ashā’irah* dalam bidang akidah. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 14 Jumādā al-Ākhir 505H dan dikebumikan di Tus ketika umurnya lima puluh lima tahun.<sup>2</sup>

Berhubung dengan kitab *al-Maqṣad al-Asnā*, perkataan *al-Maqṣad* berasal daripada perkataan *qaṣada* yang bermaksud menuju, memaksudkan dan menginginkan.<sup>3</sup> Manakala *al-Asnā* berasal daripada

---

lanjut tentang biodatanya, lihat Shihāb al-Dīn Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab* (Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1932), juz. 3: 358-362.

<sup>2</sup> Abū al-Fidā’ Ismā’īl ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, taḥqīq ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (Giza: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsat al-‘Arabiyyat al-Islāmiyyah, 1998), juz. 16: 213-214; Shihāb al-Dīn Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, taḥqīq Maḥmūd al-Arnā’ūt (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1989), juz. 5: 18-19; ‘Abd al-Ḥamīd al-Madkūr, “*Ittijāhāt al-Muslimīn Naḥwa al-Taṣawwuf*”, dalam *Mawsū’at al-Taṣawwuf al-Islāmī*, ed. Maḥmūd Ḥamdi Zaqqūq (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 2009), 32; Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, “Al-Ghazzālī and His Refutation of Philosophy”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 21 (2005), 1 dan Mehmet Vural, “Classic Logic of Al-Ghazzālī Methodology”, *Journal of Islamic Research*, volume. 3, no: 2, (2010), 143.

<sup>3</sup> *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsī* (t.t.: al-Munzamat al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, t.t.), 989, entri “*qaṣada*”

perkataan *sanā* yang bermaksud menerangi dan tinggi.<sup>4</sup> Perkataan *al-asnā* merupakan *ism al-tafḍīl* (kata nama yang merujuk kepada sifat yang bersanggatan) yang memberi erti sangat terang atau sangat tinggi. Jadi, gabungan dua perkataan *al-Maqṣad al-Asnā*, bermaksud “maksud yang tertinggi atau maksud yang sangat jelas dan terang”. Berkenaan perkataan *Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, perkataan *asmā’* merupakan perkataan *jama’* kepada *ism* yang berasal daripada perkataan *samā* yang bermaksud tinggi. Perkataan *ism* bermaksud sesuatu yang dikenali dengan sesuatu yang lain atau menggunakan dalil (penunjuk) tertentu bagi menunjukkan kepadanya.<sup>5</sup>

Perkataan *al-Ḥusnā* yang merupakan perkataan *mu’annath* bagi perkataan *al-aḥsan* bermaksud sangat baik. Maka, *Asmā’ Allāh al-Ḥusnā* bermaksud nama-nama Allah S.W.T yang sangat baik.<sup>6</sup> *Al-Asmā’ al-Ḥusnā* berjumlah sangat banyak, namun *al-Asmā’ al-Ḥusnā* yang dimaksudkan di sini ialah *al-Asmā’ al-Ḥusnā* yang berjumlah sembilan puluh sembilan nama seperti yang disenaraikan oleh al-Għażali in dalam kitab tersebut.

---

dan *al-Mu’jam al-Wasīt*, ed. Mujamma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyah (Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, 2005), 738, entri “qaṣada”.

<sup>4</sup> *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*, 648, entri “sanā”; *Al-Mu’jam al-Wasīt*, 457, entri “sanā” dan *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A’lām*, cet. ke-30 (Beirut: Dār al-Mashriq, 1988), 359, entri “sanā”.

<sup>5</sup> *Al-Mu’jam al-Wasīt*, 452, entri “samā”. Menurut al-Għażali, *al-ism* adalah lafadz yang diletakkan untuk menunjukkan sesuatu yang dinamakan (*al-musammā*). Contohnya, seseorang itu diberikan nama yang dipilih untuknya sama ada oleh dirinya sendiri, wali, bapa atau tuannya. Pada hemat penulis, jika seseorang itu diberikan nama Zaid, maka Zaid adalah lafadz dan dalil (penunjuk) yang menunjukkan kepada seseorang atau seseorang yang dikenali dengan nama Zaid. Lihat Abū Ḥāmid al-Għażali, *al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Abū Sahl dan Najāḥ ‘Iwaḍ Ṣiyām (Kaherah: Dār al-Muqtīm, 2008), 183.

<sup>6</sup> *Al-Mu’jam al-Wasīt*, 174, entri “ḥasuna” dan M. Quraish Shihab, *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an* (Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2005), xxxvi.

Setelah memahami maksud perkataan seperti di atas, maka diterjemahkan nama kitab tersebut seperti berikut, “Maksud Tertinggi dalam Mensyarahkan Nama-nama Allah S.W.T yang Sangat Baik”.

### Latar Belakang Kitab

Penisbahan kitab *al-Maqṣad al-Asnā* ini kepada al-Ghazālī berpandukan kepada beberapa bukti yang jelas. Antaranya ialah:<sup>7</sup>

- a) Para ulama *ahl al-tarājum* (menjelaskan biografi ulama lain) telah menerangkan bahawa kitab ini merupakan salah satu daripada karya-karya al-Ghazālī. Antaranya seperti al-Yāfi‘ī (m. 768H), al-Subkī (m. 771H), Ṭāsh Kubrā Zādah (m. 962H) dan Hāji Khalīfah (m. 1067H).<sup>8</sup>
- b) Para ulama sendiri yang menukilkan beberapa pandangan al-Ghazālī tentang *al-Asmā’ al-Husnā* dalam kitab-kitab mereka. Contohnya seperti apa yang dilakukan oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H) yang menukilkan pandangan al-Ghazālī berkenaan *al-Asmā’ al-Husnā* dalam kitabnya.<sup>9</sup> Selain itu, Ibn

<sup>7</sup> ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā (li al-Imām Ḥujjat al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsah wa Tahqīq” (Disertasi Sarjana, Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar, 1988), 153-157.

<sup>8</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn As‘ad al-Yāfi‘ī, *Mir’āt al-Jinān wa ‘Ibrat al-Yaqzān* (Heydarabad: Maṭba‘ah Dāirat al-Ma‘ārif al-Niżāmiyyah, t.t.), 179; Ṭāj al-Dīn al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyat al-Kubrā*, tahqīq ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī (Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t), juz. 6: 199; Mawlā Aḥmad ibn Muṣṭafā Ṭāsh Kubrā Zādah, *Miftāḥ al-Sa‘ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah* (Heydarabad: Maṭba‘ah Dāirat al-Ma‘ārif al-Niżāmiyyah, t.t.), 202 dan Muṣṭafā ibn ‘Abd Allāh Hāji Khalīfah, *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1941), j. 2: 1805.

<sup>9</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā li al-Rāzī wa Huwaal-Kitāb al-Musammā Lawāmī‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘āla wa al-Sifāt* (Kaherah: al-Maktabat al-

- al-Murtadā al-Yamāni (m. 840H) juga menukilkan pendapat al-Ghazālī dengan menyatakan sekali karyanya *al-Maqṣad al-Asnā* melalui kitabnya.<sup>10</sup>
- c) Laras bahasa atau uslub yang digunakan dalam kitab ini menyamai laras bahasa atau uslub al-Ghazālī di dalam kitab-kitabnya yang lain seperti *al-Munqidh min al-Dalāl*, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dan *Minhāj al-Ābidīn*. Contohnya, al-Ghazālī menjelaskan bahaya *al-wuṣūl*, *al-itthīd* dan *al-hulūl* di dalam subtopik *al-Turuq al-Ṣūfiyyah* dalam kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*. Kemudian, al-Ghazālī menyatakan bahawa maklumat lanjut tentang perkara ini telah dijelaskan di dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Begitu juga di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, al-Ghazālī menjelaskan hakikat kesabaran yang menyamai penerangannya tentang makna *al-Ṣabūr* di dalam *al-Maqṣad al-Asnā*.<sup>11</sup>
  - d) Bukti yang paling jelas ialah judul yang digunakan bagi manuskrip kitab ini ialah *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā* yang disandarkan kepada al-Ghazālī. Manuskrip tersebut telah dikaji dan *dītaḥqīq*<sup>12</sup> oleh ‘Isā‘ Abd Allāh ‘Alī dalam

---

Azhariyyah li al-Turāth, 2000), 15 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 24.

<sup>10</sup> Abū‘Abd Allāh Muḥammad ibn al-Wazīr, *Īthār al-Haqq ‘alā al-Khalq* (Kaherah: al-Maṭba‘at al-Adab wa al-Muayyid, 1318H), 172; al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 185 dan ‘Isā‘ Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 57-58.

<sup>11</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, “al-Munqidh min al-Dalāl”, dalam *Majmū‘ at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buhūth wa al-Dirāsāt (Beirut: Dār al-Fikr, 2008), 555; al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 161, 163-168; Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, 1999), j. 4: 85 dan ‘Isā‘ Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 162.

<sup>12</sup> *Al-Taḥqīq* merupakan istilah yang merujuk kepada kajian khusus terhadap manuskrip kitab sehingga dapat dipastikan kesahihan judulnya, nama penulis, penisbahan kitab kepada seseorang penulis dan teksnya. Jadi, kitab yang sudah *dītaḥqīq* merupakan kitab yang

kajian sarjananya. Beliau telah mengkaji empat naskhah manuskrip *al-Maqṣad al-Asnā* dan mendapati bahawa keempat-empat manuskrip tersebut tertulis judul *al-Maqṣad al-Asnā* dan nama penulisnya iaitu al-Ghazālī.<sup>13</sup>

Al-Ghazālī membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā* dengan menulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā* setelah diminta oleh seseorang untuk menjelaskan *al-Asmā’ al-Husnā*. Pada mulanya, beliau teragak-agak kerana persoalan ini perlu ditanggapi secara berhati-hati dan di luar kemampuan manusia untuk membicarakan sifat *rubūbiyyah* Allah S.W.T. Dalam masa yang sama, beliau memahami bahawa menjawab persoalan yang diajukan oleh orang yang bertanya adalah menjadi kewajipan agama.

Al-Ghazālī menulis kitab ini ketika beliau berada dalam fasa pengasingan diri setelah selesai menulis kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dan sebelum beliau menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*. Mustafa Abu-Sway mengklasifikasikan kitab ini sebagai karya ilmiah yang ditulis dalam tempoh masa pengasingan diri al-Ghazālī, sama seperti kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* iaitu di antara tahun 488H - 499H / 1095M - 1106M.<sup>14</sup> Kitab ini membahaskan

---

judul, nama penulisnya, penisbahan kitab kepada penulis tersebut dan teksnya telah ditentukan kesahihannya. Lihat ‘Abd al-Salām Muḥammad Ḥārūn, *Tahqīq al-Nuṣūṣ wa Nashrihā*, cet. ke-5 (Kaherah: Maktabat al-Sunnah, 2008), 42.

<sup>13</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 144-152 dan 157; ‘Abd al-Rahmān Badawī, *Muallafat al-Ghazālī*, cet. ke-3 (Kuwait: Wakālat al-Maṭbū’āt, 1977), 135-136; Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān wa-Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, tāḥqīq Ihsan ‘Abbās (Beirut: Dār Sādir, 1971), j. 4: 218 dan al-Subkī, *Tabaqāt*, juz. 6: 199.

<sup>14</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 19; Mustafa Abu-Sway, *al-Ghazzaliyy: A Study In Islamic Epistemology* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), 1996), vii, 101, 123-124 dan Mohd Abdur bin Abu Samah@Hashim, “Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali Dalam Kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*: Analisis Terhadap Kitab *Qawā’id al-‘Aqā’id*” (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006), 41-42.

persoalan akidah di samping akhlak sebagaimana yang dijelaskan dalam subtopik berikutnya.<sup>15</sup> Selain itu, menurut Prof. Dr. ‘Abd al-Ḥamīd Madkūr, ketokohan al-Ghazālī dalam pelbagai bidang telah mempengaruhi penulisannya dalam *al-Maqṣad al-Asnā* sebagaimana berikut:

”...فَقِيهٌ وَأُصُولٌ وَمَتَكْلِمٌ وَصُوفِيٌّ... كُلُّ هَذَا لَهُ أَثْرٌ فِي

مُوْضُوعَاتٍ وَمَسَائِلَ الْكِتَابِ... الْغَرَالِيُّ يَجْمِعُ كُلَّهَا؛ لِغَةٍ

وَصُوفِيٌّ وَأُصُولِ الْفَقَهِ وَعِلْمِ الْكَلَامِ...“

Terjemahan: [Al-Ghazālī merupakan seorang] ahli fiqh, ahli usul, mutakalim dan ahli sufi...semua ini memberi kesan kepada tajuk-tajuk dan permasalahan kitab [*al-Maqṣad al-Asnā*]... al-Ghazālī menghimpunkan semuanya [dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā* iaitu]; bahasa, tasawuf, usul fiqh dan ilmu kalam...<sup>16</sup>

## Tema Penulisan

Tema merujuk kepada tajuk, pokok atau subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan, wacana, karangan dan cerita.<sup>17</sup> Penulis mendapati al-Ghazālī memberi fokus kepada tema akidah yang merupakan tema utamanya di samping tema tasawuf atau akhlak dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Berhubung dengan tema akidah, kitab ini membincarakan tentang Allah S.W.T secara khusus pada aspek nama-nama-Nya iaitu *al-Asmā’ al-Husnā*. Ini

<sup>15</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 36-37 dan 184-185 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44.

<sup>16</sup> ‘Abd al-Ḥamīd Madkūr (Profesor, Jabatan Falsafah Islam, Kuliyyah Dār al-‘Ulūm, Universiti Kaherah), dalam temu bual dengan penulis, 2 dan 7 Julai 2010. Maklumat lanjut berkenaan ketokohan al-Ghazālī, lihat Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 49 dan 184-185 dan al-Sayyid Muhammad Ṣalīḥ Dāwūd, “al-Dars al-Dilālī”, 163-164, 171 dan 175-176.

<sup>17</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1638, entri “tema”.

dijelaskan sendiri oleh al-Ghazālī bahawa karya ini ditulis setelah diminta oleh seseorang untuk memahami sifat-sifat Allah S.W.T. Al-Ghazālī juga menjelaskan bahawa ilmu yang paling penting adalah ilmu mengenai Allah S.W.T meskipun ia sukar dijelaskan kerana hanya Allah S.W.T yang mengetahui tentang diri-Nya secara sempurna. Manusia hanya mampu mengenali-Nya melalui nama-nama-Nya yang dijelaskan melalui wahyu-Nya dan melalui renungan kepada alam ciptaan Allah S.W.T yang juga merupakan kesan-kesan dari perbuatan-Nya.<sup>18</sup> Perbahasan ilmu akidah merangkumi wacana ketuhanan (*al-ilāhiyyāt*), kenabian (*al-nabawiyyāt*) dan perkara ghaib (*al-sam'iyyāt*). Kitab ini membahaskan *ilāhiyyāt* kerana ia memberi fokus tentang Allah S.W.T.<sup>19</sup> Jadi, kitab ini dengan jelas menunjukkan bahawa ia merupakan karya al-Ghazālī yang bertemakan akidah.

Kitab ini juga mengandungi tema tasawuf atau akhlak kerana al-Ghazālī menulis dalam fasa pengasingan diri setelah beliau selesai menulis kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan sebelum menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*. Beliau menulis kitab ini berdasarkan kaedah kesufian, contohnya penggunaan istilah-istilah dan kata-kata ulama tasawuf dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Antara contoh istilah-istilah tasawuf ialah *mushāhadah* (penyaksian mata hati) dan *mukāshafah* (terbuka tabir penutup). Contoh lain, al-Ghazālī menyatakan bahawa terdapat dua peringkat kefahaman manusia terhadap *al-Asmā' al-Husnā*.

Pertama, peringkat mengenali dan beriktitikad dengan *al-Asmā' al-Husnā*. Peringkat ini dilihat agak mudah dicapai oleh manusia. Kedua, peringkat mencontohi makna-makna yang terkandung dalam *al-Asmā' al-Husnā*.

---

<sup>18</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 19, 54-56 dan 89-90.

<sup>19</sup> Burhān al-Dīn Ibrāhīm al-Bājūrī, *Hāshiyat al-Imām al-Bayjūrī 'alā Jawharat al-Tawhīd al-Musammā Tuhfat al-Murīd 'alā Jawharat al-Tawhīd*, taḥqīq 'Alī Jum'ah Muḥammad al-Shāfi'i (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 104.

berasaskan keupayaan manusiawi.<sup>20</sup> Peringkat ini agak sukar dicapai oleh manusia melainkan setelah melalui tahap kefahaman yang begitu mendalam terhadap *al-Asmā’ al-Husnā*. Namun, peringkat ini amat berkaitan dengan persoalan akhlak kerana ia merupakan peringkat manusia berusaha meniru akhlak-akhlak Allah S.W.T Al-Ghazālī meletakkan fasal khusus yang menerangkan kesempurnaan dan kebahagiaan hamba Allah S.W.T yang meniru akhlak-akhlak Allah S.W.T.

Di samping itu, beliau menggunakan kaedah penjelasan tasawuf al-Qushayrī (m. 465H) ketika menerangkan makna-makna *al-Asmā’ al-Husnā*. Kajian mendapati kitab tersebut merupakan kitab yang membahaskan persoalan akhlak secara ilmiah.<sup>21</sup> Justeru, tema lain yang turut difokuskan oleh al-Ghazālī dalam karya ini adalah tema tasawuf atau akhlak.

### Kandungan Kitab

Al-Ghazālī membahagikan kitab *al-Maqṣad al-Asnā* kepada tiga bahagian yang dinamakan *funūn*:<sup>22</sup>

- a) Bahagian pertama iaitu pendahuluan dan pengenalan (*al-sawābiq wa al-muqaddimāt*) membahaskan persoalan hakikat nama (*al-ism*), yang dinamakan (*al-musammā*) dan penamaan (*al-tasmiyyah*). Al-Ghazālī menjelaskan bahawa *al-ism*, *al-musammā* dan *al-tasmiyyah* adalah masing-

<sup>20</sup> Mustafa Abu-Sway, *al-Ghazzaliyy*, 101; ‘Abd Allāh ibn Ṣālih al-Ghīsnī, *Asmā’ Allāh al-Husnā* (Riyadh: Dār al-Waṭn, 1996), 258 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44, 46-47.

<sup>21</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 36-37, 45, 184-185 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44.

<sup>22</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 19-21 dan Mohd Abduh bin Abu Samah@Hashim, “Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali”, 41-42. Menurut Ibn Manzūr, *funūn* juga bermaksud jenis-jenis (*anwā’*), lihat Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (t.t.p.: Dār al-Ma‘ārif, t.t.), j. 5: 3475, entri “al-fann”. Penulis berpandangan, perkataan ‘bahagian’ yang penulis gunakan dalam makalah ini adalah tidak jauh dari maksud *funūn* atau *anwā’* tersebut.

masing berbeza maknanya di mana pandangan ini dipersetujui oleh al-Rāzī.<sup>23</sup> Beliau juga membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā* yang membawa pengertian yang hampir sama. Contohnya, *al-Ghaffār* merujuk kepada Tuhan yang banyak memberi keampunan secara berulang-ulang. Manakala, *al-Ghafūr* hanya merujuk kepada Tuhan yang memberi keampunan kepada dosa yang banyak.<sup>24</sup> Dibahaskan juga *al-Asmā’ al-Husnā* yang mempunyai pengertian yang lebih daripada satu. Al-Ghazālī berpendirian bahawa tiada nama daripada *al-Asmā’ al-Husnā* memiliki makna yang lebih daripada satu makna. Huraianya, *al-Mu’mīn* mengandungi maksud pemberian (*al-taṣdīq*) dan maksud memberi faedah keselamatan dan keamanan kepada sesuatu (*ifādat al-amn wa al-amān*). Menurut al-Ghazālī, makna yang sesuai ialah maksud yang kedua tersebut, kerana maksud yang pertama hanya sesuai untuk selain daripada Allah S.W.T. Ini kerana, zat yang dibenarkan (*al-muṣaddaq*) adalah lebih tinggi daripada berbanding dengan orang yang membenarkan-Nya (*al-muṣaddiq*). Akhirnya, beliau membahaskan hamba-hamba Allah S.W.T yang sempurna dan kepentingan seseorang itu meniru akhlak Allah menerusi *al-Asmā’ al-Husnā*.<sup>25</sup>

- b) Bahagian kedua iaitu *al-maqāṣid wa al-ghāyāt* merujuk kepada maksud-maksud dan objektif-objektif berhubung dengan *al-Asmā’ al-Husnā*. Bahagian ini terbahagi kepada tiga fasal iaitu pertamanya, fasal ini menghuraikan sembilan puluh sembilan nama Allah S.W.T secara terperinci.

---

<sup>23</sup> Al-Rāzī, *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*, 15 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 94.

<sup>24</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 39-41.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 42-45.

Setiap nama-nama tersebut dijelaskan maksudnya dan kesan kefahaman terhadapnya kepada akhlak manusia. Kemudian, dijelaskan kesilapan manusia dalam memahami *al-Asmā’ al-Husnā* melalui pendekatan *al-intiqāl*, *al-ittihād* dan *al-hulūl*<sup>26</sup> seperti yang pernah dikaitkan dengan kisah al-Ḥallāj (m. 309H).<sup>27</sup> Keduanya, fasal ini menjelaskan pandangan *Ahl al-Sunnah*<sup>28</sup> yang mengaitkan semua *al-Asmā’ al-Husnā* ini dengan penjelasan *Dhāt* dan tujuh sifat Allah S.W.T iaitu *al-ḥayāh*, *al-‘ilm*, *al-qudrah*, *al-irādah*, *al-sam‘*, *al-baṣār* dan *al-kalām*. Fasal ini akan menjawab persoalan berkenaan larangan menetapkan makna yang sama pada *al-Asmā’ al-Husnā* seperti yang telah disentuh sebelum ini. Bilangan *al-Asmā’ al-Husnā* sangat banyak, maka ia perlu diringkaskan agar ia mudah difahami oleh manusia. Justeru, nama-nama tersebut perlu

---

<sup>26</sup> *Al-Ittiḥād* bermaksud dua *dhāt* menjadi satu *dhāt*. Dikatakan juga bahawa ia merujuk kepada dua perkara bercampur sehingga menjadi satu. Manakala, *al-hulūl* juga berkait dengan *al-ittihād*. Ia merujuk kepada sesuatu yang memerlukan kepada tempat, bersentuhan dan perpindahan (*al-intiqāl*). Ini merupakan sifat-sifat jisim. Tidak boleh terjadi *al-hulūl* kepada *Dhāt* dan sifat Allah S.W.T kerana *al-hulūl* terjadi melalui perpindahan (*al-intiqāl*) dan ini merupakan sifat-sifat bagi jisim dan *jawhar* (sesuatu yang memenuhi ruang). Lihat ‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rīfāt* (Beirut: Maktabah Lubnān, 1985), 6, 98, entri “al-hulūl al-siryānī”; Rafiq al-‘Ajām, *Mawsū’at al-Muṣṭalahāt al-Taṣawwuf al-Islāmiyy* (Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn, 1999), 305, entri “hulūl” dan Mamduḥ al-Zūbī, *Mu’jam al-Ṣūfiyyah* (Beirut: Dār al-Jīl, 2004), 141, entri “hulūl”.

<sup>27</sup> Berkenaan pandangan para ulama terhadap Abū al-Mughīth al-Ḥusayn ibn Mansūr al-Ḥallāj, lihat Abū al-Muzaffar al-Isfirāyīnī, *al-Tabṣir fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqat al-Nājiyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn* (Kaherah: Maṭba‘at al-Anwār, 1940), 70, 77-78, 141 dan ‘Abd Allāh al-Harārī, *al-Sharh al-Qawīm fī Ḥall Alfāz al-Širāt al-Mustaqīm*, cet. ke-7 (Beirut: Sharikah Dār al-Mashāri‘, 2007), 37.

<sup>28</sup> *Ahl al-Sunnah* yang dimaksudkan secara khusus ialah mazhab *al-Ashā’irah* yang dipegang oleh al-Ghazālī sendiri, lihat al-Ghisnī, *Asmā’*, 251.

dikelompokkan kepada sepuluh bahagian iaitu *Dhāt* seperti Allah, *Dhāt* bersama *salb* (penafian sifat yang mustahil) seperti *al-Quddūs*, *Dhāt* bersama *idāfah* (penyandaran) seperti *al-'Aliyy*, *Dhāt* bersama *salb* dan *idāfah* seperti *al-Malik*, sifat seperti *al-'Alīm*, ilmu bersama *idāfah* seperti *al-Khabīr*, kekuatan bersama penambahan *idāfah* seperti *al-Qahhār*, kehendak bersama *idāfah* perbuatan seperti *al-Rahmān*, sifat-sifat perbuatan seperti *al-Khāliq*, dan *al-dalālah* atas perbuatan bersama penambahan seperti *al-Majīd*. Ketiganya, fasal ini turut mengemukakan pandangan Muktazilah dan ahli falsafah untuk perbandingan. Pada fasal ketiga tersebut, dijelaskan pandangan Muktazilah dan ahli falsafah tentang perbahasan *al-Asmā' al-Husnā* hanya disandarkan kepada *Dhāt* Allah S.W.T. Mereka menafikan sifat-sifat Allah S.W.T, tetapi mereka mengithbātkan *Dhāt* yang satu bagi Allah S.W.T.<sup>29</sup>

- c) Bahagian ketiga iaitu *al-lawāhiq wa al-takmīlāt* merujuk kepada bahagian pengakhiran dan penyempurnaan tentang *al-Asmā' al-Husnā* yang terbahagi kepada tiga fasal. Pertama, penjelasan tentang *al-Asmā' al-Husnā* tidak hanya terbatas kepada jumlah sembilan puluh sembilan sahaja. Terdapat dalil secara *tawqīf*<sup>30</sup> (terhenti) - yakni

<sup>29</sup> Menurut Wasīm al-Sāmilā yang mentahqīqkan kitab al-Qushayrī, Ahli Falsafah Islam seperti al-Fārābī (m. 339H), Ibn Sīnā (m. 428H) dan Ibn Rushdi (m. 594H) bersepakat menafikan sifat-sifat Allah S.W.T sama sekali. Ini kerana, jika ia diithbātkan bagi Allah S.W.T, ia akan menyebabkan berlakunya berbilang-bilang (*al-ta'addud*) dan banyak (*al-kathrah*) pada *Dhāt*-Nya. Lihat Abū al-Qāsim al-Qushayrī, *Arba' Rasā'il fī al-Taṣawwuf li Abī al-Qāsim al-Qushayrī*, tahqīq Wasīm al-Sāmilā'i (t.t.p.: Maṭba'at al-Jam' al-'Ilmi al-'Irāqi, 1969), 39.

<sup>30</sup> Tidak boleh menamakan Allah S.W.T dengan nama-nama yang tidak dinyatakan oleh Allah S.W.T sendiri, Rasulullah S.A.W dan ijmak kaum muslimin. Nama-nama diambil secara *mushtaqqah* (ambilan

penamaan nama-nama Allah S.W.T hanya terhenti pada nas-nas al-Quran dan Hadith - yang menunjukkan terdapat *al-Asmā' al-Husnā* yang lain selain daripada Hadith sembilan puluh sembilan nama yang menjadi fokus al-Ghazālī. Contohnya, terdapat *al-Asmā' al-Husnā* seperti *al-Mawlā*, *al-Naṣīr*, *al-Ghālib*, *al-Rabb* dan *al-Nāṣir* dalam al-Quran. Kedua, fasal ini merupakan penjelasan tentang kelebihan memahami dan mengkhususkan jumlah sembilan puluh sembilan *al-Asmā' al-Husnā*. Al-Ghazālī memperakui bahawa *al-Asmā' al-Husnā* sangat banyak. Jadi, pengkhususan kepada sembilan puluh sembilan nama-nama-Nya yang diberi keistimewaan ganjaran syurga bagi orang yang mengkaji dan menelitiinya merupakan persoalan ijtihad para ulama. Ketiga, fasal ini merupakan penjelasan tentang persoalan sama ada dibenarkan penetapan sifat (*al-wasfī*) dan nama (*al-ism*) Allah S.W.T melalui nas dan akal. Berhubung


---

dari kalimah lain) sama ada kerana ia memberi faedah makna (*ifādah ma'nā*) atau diambil menerusi cara penggelaran (*al-talqīb*). Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa tidak harus (*lā yajūz*) dinamakan Allah S.W.T melalui cara *al-talqīb* dengan nama yang tidak memberi faedah makna dan nama yang tidak diambil dari kata sifat. Apabila disebut Allah S.W.T adalah '*Ālim*' dan '*Qādir*', maka ia bukanlah bermaksud penggelaran sebagaimana kita menamakan nama-nama seperti Zaid dan 'Umar. Pandangan ini adalah berdasarkan ijmak kaum Muslimin. Wajib diisbatkan *al-'ilm* pada Allah S.W.T kerana ia memberi faedah makna. Tiada perbezaan pendapat pada mewajibkan sesuatu yang memberi faedah makna bagi Allah S.W.T seperti mengatakan Allah S.W.T memiliki ilmu di mana dari-Nya setiap yang lain juga memiliki ilmu. Begitu juga perkataan *mawjūd* yang memberi faedah makna yang wajib diisbatkan kepada Allah S.W.T kerana memang Allah S.W.T adalah ada (*mawjūd*). Lihat Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, *Kitāb al-Luma' fī al-Radd 'alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'* (t.p.: Matba'ah Miṣr Sharikah Māhimah Miṣriyyah, 1955), 24 dan Abū al-Hasan al-Ash'arī, *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, taḥqīq Fawqiyyah Ḥusayn Maḥmūd (Kaherah: Dār al-Anṣār, 1977), 152.

dengan *al-ism*, *al-Asmā’ al-Husnā* merupakan perkara *tawqīfiyyah* yang tidak boleh diambil melainkan melalui al-Quran dan Hadith. Namun, apabila menjelaskan *al-wasfi*, al-Ghazālī berpandangan bahawa dibenarkan seseorang menetapkan sifat-sifat bagi Allah S.W.T meskipun tiada penjelasan secara *al-tawqīf* berdasarkan al-Quran dan Hadith dengan syarat ia membawa maksud yang elok bagi Allah S.W.T dan tidak memberi makna sifat kekurangan bagi Allah S.W.T. Contohnya, tiada nas secara zahir menjelaskan bahawa Allah S.W.T bersifat *mawjūd*, tetapi ia dibenarkan kerana ia memberi maksud yang elok bagi Allah S.W.T. Jika sebaliknya, ia akan membawa kepada penetapan sifat yang tidak layak bagi Allah S.W.T seperti *al-Ārif* dan *al-Āqil*. Nama-nama ini tidak layak bagi Allah S.W.T kerana ia memberi maksud kekurangan kepada Allah S.W.T. Ia akan memberi maksud bahawa sebelum Allah S.W.T mengetahui, Allah S.W.T perlu berusaha belajar dan berfikir terlebih dahulu. Ini mustahil bagi Allah S.W.T.<sup>31</sup>

### Sumber Rujukan

Al-Ghazālī menggunakan pelbagai rujukan dalam penulisan kitab *al-Maqṣad al-Asnā* untuk menguatkan hujah dan pandangan beliau ketika menjelaskan *al-Asmā’ al-Husnā*. Antara rujukan yang paling penting sudah pasti al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W Al-Ghazālī menggunakan dalil-dalil dari al-Quran pada setiap bahagian utama *al-Maqṣad al-Asnā*. Contohnya:



<sup>31</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 174-186 dan ‘Abd Allāh ibn ‘Umar al-Bayḍāwī, *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*, taḥqīq Khālid al-Jundi (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2009), 113-115.

## Al-A‘rāf 7: 180

Terjemahan: Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik, maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.

Berhubung dengan Hadith Rasulullah S.A.W, al-Ghazālī turut menggunakan sekitar empat puluh lapan Hadith Rasulullah S.A.W termasuk empat Hadith yang dipetik secara berulang kali. Hadith tersebut juga digunakan di dalam semua bahagian *al-Maqṣad al-Asnā*. Hadith yang berstatus *sahīḥ* berjumlah tiga puluh lima Hadith termasuk empat Hadith yang dinukilkan secara berulang. Hadith yang berstatus *ḥasan* berjumlah empat Hadith dan Hadith *da’īf* berjumlah lapan Hadith. Manakala baki satu Hadith adalah tidak diketahui kedudukannya. Hadith yang paling banyak dirujuknya ialah Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim.<sup>32</sup> Contohnya:

<sup>32</sup> Kesimpulan ini didasarkan kepada kajian *takhrij* yang telah dilakukan oleh *pentaḥqīq* dan *penta’līq* kitab *al-Maqṣad al-Asnā* iaitu ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, Abū Sahl, Najāh ‘Iwād Ṣiyām, Muḥammad ‘Uthmān al-Khaṣṭ, Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī dan Maḥmūd Bījū. Berhubung dengan satu Hadith yang tidak diketahui kedudukannya iaitu *takhallaqū bi akhlāq Allāh Ta’āla* (berakhlaklah kalian dengan akhlak-akhlak Allah Ta’ala), para *pentaḥqīq* dan *penta’līq* iaitu Abū Sahl, Najāh ‘Iwād Ṣiyām, Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī dan Maḥmūd Bījū bersepakat memberi komentar *lam ajidhu* (belum saya jumpainya) kepada Hadith tersebut. Pelajar Sarjana, ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī menyatakan bahawa beliau belum menjumpai Hadith tersebut ketika beliau merujuk kepada kitab-kitab Hadith (*lam ajidhu fi mā raja’tu ilayhi min kutub al-hadīth*). Lihat ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “*al-Maqṣad al-Asnā*”, 334; Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, *tahqīq Abū Sahl, Najāh dan ‘Iwād Ṣiyām*, 163; Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*, *tahqīq Muḥammad ‘Uthmān al-Khaṣṭ (Kaherah: Maktabat al-Qur’ān, 2001)*; Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ Ma’āni Asmā’ Allāh al-Husnā*, ta’līq Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2003), 150 dan Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*, ta’līq Maḥmūd Bījū (Damshiq: Maṭba‘at al-Ṣabāḥ, 1999), 126.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ تَسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah daripada Nabi S.A.W telah bersabda: Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang menghitungnya, nescaya akan memasuki syurga.<sup>33</sup>

Pendekatan menggunakan dalil al-Quran dan Hadith oleh al-Ghazālī merupakan kaedah utama ulama *ahl al-sunnah wa al-jamā‘ah* khususnya ulama beraliran *al-Ashā’irah* ketika menjelaskan *al-Asmā’ al-Husnā*.<sup>34</sup> Selain daripada rujukan al-Quran dan Hadith, al-Ghazālī juga menggunakan pandangan daripada para sahabat Rasulullah S.A.W. Antara sahabat-sahabat tersebut ialah Abū Bakr al-Siddīq r.a di mana al-Ghazālī memetik ungkapannya iaitu *al-‘ajz ‘an dark al-idrāk idrāk*<sup>35</sup> yang

<sup>33</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim, “Ṣahīḥ Muslim”, *taḥqīq Khalīl Ma’mūn Shayhā* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2010), 1217 (Kitāb al-Da’awāt al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā’ Allāh Ta’ālā wa Faḍl Man Ahṣāhā, no. Hadith 6751).

<sup>34</sup> Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt* (Madinah: Maṭābī‘ Dār Ashraf Rīdā li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2007), 140; ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzīn al-Qushayrī, *al-Taḥbīr fī al-Tadhkir Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 13-14; al-Rāzī, *Sharḥ Asmā’ Allāh*, 150-151; Muḥammad ibn Aḥmad al-Qurtubī, *al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā wa Ṣifātihī*, taḥqīq ‘Irfān ibn Salīm al-‘Ashāḥassūnah (Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah, 2008), 91 dan al-Bayḍāwī, *Sharḥ Asmā’ Allāh*, 186-188.

<sup>35</sup> Menurut al-Isfirāyīnī (m. 471H), ungkapan ini bermaksud setelah sah pada diri seseorang bahawa tidak mungkin boleh mencapai makrifah tentang Pencipta berdasarkan penggambaran (*al-taṣwīr*), penyusunan (*al-tarkīb*) dan penyamaan (*al-qiyās*) dengan makhluk-makhluk-Nya, maka telah sahlah kefahaman seseorang bahawa Pencipta berbeza

bermaksud kelemahan manusia dalam mencapai makrifah tentang Allah S.W.T sebenarnya dianggap telah mencapai makrifah tentang-Nya walaupun tidak sempurna. Terdapat juga nama sahabat nabi S.A.W yang lain iaitu Abū Hurayrah r.a, namun beliau hanya disebut sebagai perawi Hadith semata-mata.<sup>36</sup>

Al-Ghazālī juga mengambil pandangan para ulama sebagai sumber penulisan *al-Maqṣad al-Asnā*. Contohnya, kata-kata Imām al-Shāfi‘ī (m. 204H) dipetik berhubung dengan *al-ism al-mushtarak* yang merujuk kepada kata nama yang mengandungi semua makna sesuatu yang dinamakannya secara *mutlaq* (yakni sesuatu lafadz nama itu mempunyai makna lebih dari satu) selagi tiada *qarīnah* (bukti) yang mengkhususkannya (*al-ism al-mushtarak yuḥmal ‘alā jami‘ musammayātih idhā warada muṭlaqan mā lam tadullu qarīnah ‘alā al-takhṣiṣ*).<sup>37</sup> Al-Ghazālī juga

---

dengan makhluk-makhluk-Nya. Manakala, al-Rāzī juga menekankan ungkapan ini setelah beliau menjelaskan bahawa akal manusia tidak mampu berfikir tentang Allah S.W.T. Ini kerana, setiap sesuatu yang difikirkan oleh manusia berdasarkan khayalan dan pancaindera, maka ciri-ciri kebaharuan (*al-hudūth*) akan terzahir. Jadi, akal manusia perlu mengakui kewujudan dan kesempurnaan Allah S.W.T di samping menyedari bahawa mereka lemah untuk mencapai makrifah secara sempurna tentang Allah S.W.T. Menurut al-Ghazālī, terdapat dua cara untuk mengenali Allah S.W.T. Pertama, kenal hakikat tentang Allah S.W.T tapi mustahil seseorang itu mengenali hakikat tentang Allah S.W.T kerana Allah S.W.T sahaja yang mengenali diri-Nya. Akal manusia akan kebingungan apabila cuba fikir tentang hakikat Allah S.W.T. Kedua, kenal nama-nama dan sifat-sifat-Nya namun ia masih mustahil bagi manusia untuk mengenali-Nya secara sempurna dan setiap manusia ada tahap mereka masing-masing dalam mengenali-Nya melalui cara kedua ini. Lihat *al-Isfirāyīnī*, *al-Tabsīr fī al-Dīn*, 97; *Fakhr al-Dīn al-Rāzī*, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1981), juz. 1: 166 dan Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 53-55.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Menurut Ibn Manzūr, *ism mushtarak* merujuk kepada nama yang berkongsi padanya maknanya yang banyak seperti *al-‘ayn* (mata).

memetik pandangan al-Junayd al-Baghdađī (m. 298H) yang menyatakan bahawa hanya Allah S.W.T yang tahu tentang hakikat diri-Nya.<sup>38</sup> Dipetik juga pandangan Dhū al-Nūn al-Miṣrī (m. 240H) yang masih berhasrat untuk mengenali Allah S.W.T walau sedetik ketika ajalnya.<sup>39</sup> Al-Ghazālī juga mengambil pandangan Abū ‘Alī al-Farmadhī (m. 447H) yang memetik pendapat Abū al-Qāsim al-Kurkānī. Menurutnya, sembilan puluh sembilan *al-Asmā’ al-Ḥusnā* boleh menjadi sifat-sifat bagi seseorang *sālik* selepas melakukan *al-sulūk* tetapi belum mencapai tahap *al-wāṣil*.<sup>40</sup>

---

Berhubung contoh ini, al-Ghazālī menjelaskan bahawa *al-‘ayn* boleh mengandungi makna seperti mata wang dinar, mata air yang mengalir dan mata orang yang melihat. Lihat Ibn Manzūr, *Lisān*, j. 6 dan 4: 2249 dan 3195-3198, entri “ism mushtarak” dan “al-‘ayn” dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 42-43.

<sup>38</sup> Maklumat lanjut berkenaan perkara ini, lihat Abū al-Qāsim al-Junayd, *Rasā'il al-Junayd*, taḥqīq 'Alī Ḥasan 'Abd al-Qādir (Iskandariyyah: Bur'i Wajday, 2003), 33 dan 58; Ibn al-Wazīr, *Īthār al-Haqq*, 190 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 48-53.

<sup>39</sup> Maklumat lanjut berkenaan perkara ini, lihat *Ibid.*, 48-49; Abū al-Qāsim al-Qushayrī, *al-Risālat al-Qushayriyah*, taḥqīq 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (Kaherah: Maṭābi' Muassasah Dār al-Shā'b, 1989), 513 dan Abū Bakr Muḥammad al-Kalābādhī, *al-Ta'arruf li al-Madhab Ahl al-Taṣawwuf*, taḥqīq Aḥmad Shams al-Dīn (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 151 dan 155.

<sup>40</sup> Al-Ghazali menjelaskan bahawa *al-sulūk* merujuk kepada pendidikan akhlak, amal perbuatan dan makrifah-makrifah (*tahdhīb al-akhlaq wa al-a'māl wa al-ma'ārif*). Seseorang hamba yang melakukan *al-sulūk* yakni *al-sālik* akan menyibukkan dirinya dengan beribadah kepada Allah S.W.T dengan membersihkan aspek dalamannya sebagai persediaan mencapai *al-wuṣūl*. *Al-Wuṣūl* merujuk kepada penyingkapan penghiasan Yang Maha Benar (*halyat al-Haqq*), di mana seseorang itu akan tenggelam (*mustaghriq*) dengan penyingkapan tersebut. Ia tidak tahu tentang sesuatu apa pun melainkan makrifah Allah S.W.T dan ia tidak mempunyai cita-cita apa pun melainkan bercita-citakan Allah S.W.T. Fokus amal perbuatannya hanyalah dipenuhi dengan amal ibadah pada aspek lahiriah dan penyucian jiwa pada aspek batiniah. Hamba tersebut memisahkan dirinya daripada setiap perkara selain daripada Allah S.W.T. Pada peringkat ini, ia dinamakan *al-wāṣil*, lihat al-Ghazālī,

Al-Ghazālī memetik pandangan Ḥātim al-Āṣamm (m. 237H) dapat dilihat pada penjelasan nama *al-Razzāq*. Seseorang lelaki pernah bertanya Ḥātim al-Āṣamm: Dari mana anda mendapat makanan? Ḥātim al-Āṣamm menjawab: Dari khazanah-Nya. Al-Ghazālī juga menukilkan kata-kata Abū Yazīd al-Bīstāmī (m. 261H) iaitu *insalakhtu min nafsi kamā tansalikh al-hayyah min jildihā* yang bermaksud ‘aku tertanggal dari diriku sebagaimana tertanggal ular dari kulitnya’. Selain itu, al-Ghazālī juga memetik pandangan ahli hadith seperti Abū ‘Isā al-Turmudī (m. 279H) dan al-Bayhaqī (m. 458H) berhubung dengan pandangan mereka tentang status hadith berkaitan *al-Asmā’ al-Husnā*.<sup>41</sup>

Al-Ghazālī juga memetik pandangan ‘Alī ibn Ḥazm al-Zāhirī (m. 356H) yang berpendapat bahawa terdapat hampir lapan puluh *al-Asmā’ al-Husnā* yang terdapat dalam al-Quran dan Hadith *sahīh*.<sup>42</sup> Pendapat Abū Ḥasan al-Ash‘arī (m. 324H) yang menyatakan bahawa persoalan sifat dan nama Allah S.W.T hanya dibenarkan secara *al-*

---

*al-Maqṣad al-Asnā*, 163-164 dan 168 dan Ismā‘īl Afandī Ḥaqqī, *Rūḥ al-Bayān* (t.t.p.: al-Maṭba‘at al-‘Āmirah, 1287H), j. 2: 82-83.

<sup>41</sup> Berkenaan pandangan mereka, lihat Abū ‘Isā Muḥammad al-Turmudī, “Jāmi‘ al-Tirmidī” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āli Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 2013 (Kitāb al-Da‘awāt ‘an Rasūl Allāh, Bāb Mā Jā‘a fī ‘Aqd al-Tasbīh bi al-Yad, no. Hadith 3507); Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn al-Bayhaqī, “al-Sunan al-Kubrā”, tāḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), j. 10: 48-49 (Kitāb al-Imān, Bāb Asmā’ Allāh ‘Azza wa Jalla Thanā’uhu); Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt* (Kaherah: al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turāth, 1939), 18 dan Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-I‘tiqād wa al-Hidāyah ilā Sabil al-Rashād*, cet. ke-2 (Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1985), 32.

<sup>42</sup> Berhubung dengan tersebut serta komentar ulama lain ke atasnya, lihat Abū Muḥammad ‘Alī Ibni Ḥazm, *al-Muḥallā*, tāḥqīq Muḥammad Munīr al-Dimashqī (t.t.p.: Idārat al-Tibā‘at al-Munīriyyah, 1350H), j. 1 dan 8: 29-30 dan 30-31 dan al-Qurṭubī, *al-Asnā*, 68.

*tawqīf* turut dinukilkan oleh al-Ghazālī.<sup>43</sup> Terdapat juga pendapat al-Qādī Abū Bakr al-Bāqillānī (m. 403H) yang mengharuskan penisahan nama kepada Allah S.W.T melainkan terdapat larangan jelas secara *tawqīf* atau terdapat makna yang mustahil bagi Allah S.W.T.<sup>44</sup>

Terdapat ulama lain yang didapati agak ketara mempengaruhi pemikiran al-Ghazālī apabila membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā*. Beliau banyak menggunakan pandangan ulama tersebut iaitu al-Qushayrī melalui kitabnya, *al-Taḥbīr fī al-Tadhkīr Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā*. Antara pandangan al-Qushayrī yang diambil oleh al-Ghazālī ialah berkenaan perkataan *Allāh*. Menurut al-Qushayrī, perkataan *Allāh* tidak digunakan untuk selain dari Allah S.W.T. Jika dibandingkan dengan pandangan al-Ghazālī pula berkenaan nama *Allāh* ini, dinyatakan bahawa perkataan tersebut merupakan nama yang khusus yang tidak digelarkan kepada selain dari Allah S.W.T.<sup>45</sup>

Al-Ghazālī juga didapati terpengaruh dengan al-Qushayrī ketika menghuraikan nama *al-Malik*. Al-Qushayrī menjelaskan tiada raja yang hakiki melainkan Allah S.W.T. Beliau juga membawakan cerita tentang seorang penguasa yang berkata kepada orang yang soleh, “mohonlah hajatmu kepadaku”. Orang soleh menjawab, “Bagaimana tuan boleh mengatakan sedemikian sedangkan aku memiliki dua hamba manakala tuan adalah

---

<sup>43</sup> Penjelasan lanjut, lihat al-Ash‘arī, *Kitāb al-Luma'*, 24 dan al-Ash‘arī, *al-Ibānah*, 152.

<sup>44</sup> Huraian terperinci berkenaan pandangan beliau, lihat al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 87, 165 dan 180-183; Muhammad ibn al-Tayyib al-Bāqillānī, *Kitāb Tamhīd al-Awāl wa Talkhīṣ al-Dalāil*, tahqīq ‘Imād al-Dīn Ahmad Ḥaydar (Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1987), 223-224; Muhammad ibn al-Tayyib al-Bāqillānī, *al-Insāf fīmā Yajib I’tiqāduh wa lā Yajūz al-Jahl bih fī ‘Ilm al-Kalām* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 35-36 dan al-Qurtubī, *al-Asnā*, 29.

<sup>45</sup> Al-Qushayrī, *al-Taḥbīr*, 7; Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 61 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 43.

hamba kepada dua hamba tersebut.” Penguasa itu bertanya, “siapakah mereka berdua itu?” Orang soleh menjawab, “Mereka berdua ialah tamak (*al-hirṣ*) dan nafsu. Sesungguhnya aku telah memperhambakan mereka sedangkan tuan telah diperhambakan oleh mereka”.<sup>46</sup>

Al-Ghazālī juga memetik pandangan ahli tasawuf, *ahl al-kalām* dan *ahl al-sunnah* secara umum dalam membahaskan sesuatu perkara. Contohnya, beliau menyatakan bahawa kebiasaan nama Allah S.W.T yang selalu dituturkan oleh ahli tasawuf ialah *al-Haqq* kerana mereka begitu memahami tentang hakikat kewujudan Allah (*al-dhāt al-haqiqiyah*) berbanding kewujudan selain Allah S.W.T yang akan binasa. Manakala *ahl al-kalām* merupakan golongan yang sentiasa menyebut *al-Bāri'* yang bermaksud *al-Khāliq*. Mereka berupaya membuktikan kebenaran tentang kewujudan Allah S.W.T melalui kesan-kesan perbuatan-Nya. Al-Ghazālī juga menulis fasal khusus yang menjelaskan tentang pandangan *ahl al-sunnah* yang membahaskan bagaimana mengaitkan *al-Asmā' al-Husnā* yang tidak terkira kepada *Dhāt* dan sifat-sifat. Pandangan Muktazilah dan ahli falsafah juga dipetik dalam satu fasal khusus setelah beliau membahaskan pandangan *ahl al-sunnah* sebagai perbandingan dalam menyentuh persoalan yang sama.<sup>47</sup>

Al-Ghazālī juga menyebut secara jelas judul kitab-kitab dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Antara kitab yang disebut ialah karyanya sendiri iaitu *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dalam *Kitāb al-Shukr*, *Kitāb al-Mahabbah* dan *Kitāb al-Tawakkal*. Setelah membahaskan tentang nama *al-Shakūr*, dinyatakan bahawa perbahasan yang mendalam tentang sifat syukur dapat dilihat dalam *Kitāb al-Shukr* tersebut. Beliau juga menerangkan hakikat kecintaan kepada Allah S.W.T melalui keindahan sifat-Nya di dalam *Kitāb al-Mahabbah* apabila menerangkan nama *al-Jalīl*. Al-

---

<sup>46</sup> Al-Qushayrī, *al-Taḥbīr*, 13.

<sup>47</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 134-135 dan 169-172.

Ghazālī menjelaskan bahawa seseorang yang memahami *al-Wārith* akan merasakan bahawa Allah S.W.T berkuasa mutlak dalam kerajaan-Nya. Kemudian, beliau menyatakan bahawa penjelasan ini boleh didapati di dalam *Kitāb al-Tawakkal* tersebut. Selain itu, kitabnya yang lain seperti yang dinukilkhan oleh al-Ghazālī dalam *al-Maqṣad al-Asnā* ialah *Tahāfut al-Falāsifah*. Ini dapat dilihat ketika beliau menjelaskan pandangan Muktazilah dan ahli falsafah tentang perbahasan *al-Asmā’ al-Husnā* hanya disandarkan kepada *Dhāt* Allah S.W.T. Maklumat lanjut tentang penolakan hujah-hujah mereka dapat dilihat dalam kitab tersebut.<sup>48</sup>

### Ciri-Ciri Keistimewaan

Ciri-ciri keistimewaan yang terdapat dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā* dapat dilihat pada aspek metode penulisan dan kaedah huraian yang menepati sasaran pembaca. Metode penulisan merujuk kepada metode yang digunakan oleh seseorang ketika menulis karya-karyanya merangkumi huraian yang mengaplikasikan penghujahan akliyah dan nakliyah dan pemaparan sesuatu fakta dalam bentuk cerita dan soal jawab. Metode *al-‘aql* dalam penulisan *al-Maqṣad al-Asnā* digunakan untuk menyokong segala hujah *al-naql* yang menggunakan al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. Contohnya, kesesatan dan kesilapan fahaman *al-ittihād* iaitu penyatuan tuhan dengan manusia dijelaskan berdasarkan hujah *al-‘aql*. Fahaman ini yang menerima pandangan bahawa sesuatu boleh menjadi sesuatu yang lain (*inna shay'an ṣāra shay'an ākhar*) dapat dibuktikan kemustahilannya secara mutlak.<sup>49</sup>

Menurut al-Ghazālī, jika ‘Umar dan Zaid yang merupakan dua individu yang berbeza bergabung menjadi satu individu, maka terdapat tiga kemungkinan. Pertama,

---

<sup>48</sup> *Ibid.*, 110, 120, 160 dan 172.

<sup>49</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 164-166.

kedua-duanya wujud (*mawjūdayn*) setelah penggabungan. Kedua, kedua-duanya tidak wujud (*ma ‘dūmayn*) setelah penggabungan. Ketiga, salah seorang daripada mereka berdua tidak wujud setelah penggabungan. Namun, ketigatiga kebarangkalian tersebut adalah mustahil. Ini kerana, jika kedua-dua individu tersebut wujud (*mawjūdayn*), nescaya tidak mungkin ‘ayn<sup>50</sup> salah seorang daripada mereka menjadi ‘ayn kepada seorang yang lain kerana ‘ayn kedua-dua individu tersebut adalah wujud. Jika kedua-dua tidak wujud (*ma ‘dūmayn*), nescaya ia juga mustahil kerana sesuatu yang tidak wujud bermaksud sesuatu yang tiada (*‘adam*). Jika salah satu daripada mereka tidak wujud, maka ini juga tidak dinamakan *al-ittihād* kerana perkara yang wujud tidak akan bergabung dengan perkara yang tidak wujud. Maka penyatuan antara kedua-dua individu atau sesuatu, adalah mustahil dari sudut akal. Namun, penggunaan hujahan akal ini ada batasannya, di mana ia tidak boleh bercanggah dengan keterangan *al-naql*. Akal memiliki keterbatasannya yang tersendiri, justeru wahyu dapat membimbing akal manusia ke arah kebenaran.<sup>51</sup>

Pendekatan al-Ghazālī yang mengambil kira kedua-dua dalil akal dan wahyu secara yang seimbang ini disifatkan sebagai pendekatan *wasaṭiyah*<sup>52</sup> yang berbeza dengan pendekatan golongan *al-Hashawiyah*<sup>53</sup> dan

---

<sup>50</sup> ‘Ayn merujuk kepada *dhāt* sesuatu perkara. Lihat Mamdūḥ al-Zūbī, *Mu‘jam*, 302, entri “‘ayn”.

<sup>51</sup> Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 164-165 dan Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Iqtisād fi al-I‘tiqād* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2008), 66.

<sup>52</sup> Huraihan lanjut pandangan al-Ghazālī berkenaan kesederhanaan ini, lihat Abū Ḥāmid al-Ghazālī, “Kīmiyā’ al-Sa‘ādah”, dalam *Majmū‘at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buhūth wa al-Dirāsāt (Beirut: Dār al-Fikr, 2008), 423; al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 65, 140-141 dan al-Ghazālī, *Iḥyā’*, j. 1, 3, 4, h. 154, 73 dan 499, 196.

<sup>53</sup> Penjelasan para ulama berkenaan golongan ini, lihat al-Bāqillānī, *Inṣāf*, 107; al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 65; Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl* (Beirut: al-Maktabat al-

Muktazilah.<sup>54</sup> Kesilapan *al-Hashawiyah* ialah memisahkan akal daripada syarak, manakala kesalahan Muktazilah ialah mendahuluikan akal berbanding syarak. Justeru, *al-Hashawiyah* lebih cenderung kepada *tafrīt* (kejumuhan berfikir) manakala Muktazilah pula cenderung kepada *ifrāt* (keterlampauan berfikir). Kaedah *waṣatīyyah* al-Ghazālī meraikan *al-‘aql* dan *al-naql* kerana kedua-duanya saling memerlukan kerana *al-naql* adalah asas agama Islam manakala *al-‘aql* berfungsi meneliti dan memahami *al-naql* bagi mencapai kebenaran.

Akal umpama penglihatan seseorang yang terpelihara dari penyakit manakala al-Quran umpama matahari yang cahayanya menerangi alam. Akal dan syarak keduaduanya adalah cahaya yang menghuraikan cahaya yang lain (*nūr ‘ala nūr*). Sesiapa yang menyatakan cukup sekadar mengambil salah satu daripada kedua-duanya, contohnya cukup sekadar al-Quran tanpa akal maka umpama seseorang yang melihat cahaya matahari dengan mata yang tertutup. Jika demikian, tiada beza di antara orang yang dapat melihat dan orang yang buta yakni tiada beza di antara orang yang berakal dan orang yang tidak berakal.<sup>55</sup>

Pada aspek metode pemaparan fakta (*tariqat al-‘ard*), al-Ghazālī menggunakan beberapa kaedah untuk menjelaskan *al-Asmā’ al-Husnā*. Beliau menggunakan

---

<sup>54</sup> ‘Aṣriyyah, 2010), j. 1: 67 dan ‘Abd al-Rahmān ibn Aḥmad al-İjī, *al-Mawāqifī ‘Ilm al-Kalām* (Beirut: ‘Ālim al-Kutub, t.t.), 429.

<sup>55</sup> Maklumat lanjut tentang golongan ini, lihat ‘Alī ibn Ismā’īl al-Ash’arī, *Maqālāt al-Islāmiyyin wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, taḥqīq Muḥammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, cet. ke-2 (Kaherah: Maktabat al-Nahḍat al-Miṣriyyah, 1969), j. 1: 249; al-Bāqillānī, *Kitāb Tamhīd*, 284; ‘Abd al-Qāhir ibn Tāhir al-Baghdādī, *Kitab Uṣūl al-Dīn* (Istanbul: Maṭba‘at al-Dawlah, 1928), 335-336; Ṣayf al-Dīn al-Āmīdī, *Ghāyat al-Marām fī ‘Ilm al-Kalām*, taḥqīq Ḥasan Maḥmūd ‘Abd al-Latīf (Kaherah: Lajnah Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī, 1971), 38; al-Isfirāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn*, 40 dan al-Shahrastānī, *al-Milal*, 39-66.

<sup>55</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 66.

kaedah soal dan jawab. Contohnya, soalan yang mungkin ditanya oleh para pembaca adalah, adakah *al-Asmā’ al-Husnā* melebihi jumlah sembilan puluh sembilan nama? Jika lebih, maka apakah makna *al-takhsīs*<sup>56</sup> tersebut? Beliau juga menukilkan beberapa cerita kesufian pada tempat tertentu. Contohnya, beliau membawa cerita tentang seorang penguasa yang berkata kepada orang yang soleh, “mohonlah hajatmu kepadaku”. Orang soleh menjawab, “Bagaimana tuan boleh mengatakan sedemikian sedangkan aku memiliki dua hamba manakala tuan adalah hamba kepada dua hamba tersebut.” Penguasa itu bertanya, “siapakah mereka berdua itu?” Orang soleh menjawab, “Mereka berdua ialah tamak (*al-hirṣ*) dan nafsu. Sesungguhnya aku telah memperhambakan mereka sedangkan tuan telah diperhambakan oleh mereka”<sup>57</sup>

Kaedah penulisan yang digunakan oleh al-Ghazālī mudah difahami oleh kalangan pembaca kerana metode kesederhanaan yang digunakan olehnya. Kaedah yang digunakan sesuai untuk difahami oleh golongan sasar yang terdiri daripada tiga golongan utama:<sup>58</sup>

- a) Golongan orang awam (*al-‘awām*) iaitu golongan yang tiada keahlian untuk mengkaji dan memahami hakikat sesuatu. Mereka tidak digalakkan untuk mendalami sesuatu perkara yang tiada faedah untuk mereka. Jadi, golongan ini perlu diseru ke arah kebaikan dengan cara nasihat dan peringatan (*al-maw’izah*). Al-Ghazālī menyatakan bahawa, orang awam boleh memahami makna-makna *al-Asmā’ al-*

---

<sup>56</sup> *Al-Takhsīs* di sini merujuk kepada pengkhususan jumlah sembilan puluh sembilan nama dalam Hadith “*inna liLlāh tis’ah wa tis’iñ ismān*”.

<sup>57</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 49 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 67 dan 177.

<sup>58</sup> Lihat pandangan Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht, salah seorang pentahqīq kitab *al-Maqṣad al-Asnā* dalam al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 18-20.

*Husnā* dan mempercayainya tanpa perlu kajian yang mendalam.<sup>59</sup>

- b) Golongan *al-khawāṣṣ* iaitu golongan yang memiliki kecerdikan dan kemampuan mengkaji. Mereka terdiri daripada golongan yang memiliki kecerdikan, tidak taksub kepada mazhab dan mampu mengenalpasti guru yang alim untuk dipelajari ilmunya. Mereka perlu diajar kaedah-kaedah mengkaji, membuat keputusan dan menjauhi *khilāf*. Contohnya, kaedah ini dapat dilihat pada bahagian berkenaan Hadith yang menjelaskan *al-Asmā' al-Husnā*, pengkhususan kepada jumlah sembilan puluh sembilan *al-Asmā' al-Husnā* dan penetapan *al-ism* dan *al-ṣifāt* bagi Allah S.W.T berdasarkan *al-tawqīf* dan dalil-dalil akal.<sup>60</sup>
- c) Golongan *ahl al-jadal* iaitu golongan yang suka berdebat dan berpotensi mencetuskan perkelahian. Golongan ini perlu didekati secara baik dengan bekalan hujah yang bernas tanpa emosi dan kekasaran. Al-Ghazālī menggunakan kaedah ini ketika menjelaskan pandangan Muktazilah dan ahli falsafah tentang perbahasan *al-Asmā' al-Husnā* hanya disandarkan kepada *Dhāt* Allah S.W.T. Al-Ghazālī memahami terlebih dahulu pandangan mereka agar kefahamannya menepati apa yang difahami oleh golongan tersebut sebelum diberi hujah balas.<sup>61</sup>

### Pengaruh Kitab Terhadap Ulama

Pengaruh pemikiran al-Ghazālī tentang *al-Asmā' al-Husnā* dalam kitabnya, *al-Maqṣad al-Asnā* terhadap ulama selepasnya adalah cukup jelas. Ulama pertama yang menerima pengaruh ini ialah Ibn Barrajān melalui kitabnya *Sharḥ Asmā' Allāh al-Husnā*. Beliau ialah

<sup>59</sup> *Ibid.*, 19 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44.

<sup>60</sup> *Ibid.*, 24 dan 173-186.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 171-172.

Shaykh ‘Abd al-Salām ibn ‘Abd al-Rahmān ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Rahmān al-Lakhmai al-Maghribī al-Ashbili (m. 536H).

Contohnya, ketika menjelaskan nama *al-Razzāq*, al-Ghazālī mentafsirkannya dengan maksud Tuhan yang mencipta rezeki-rezeki dan menjadikan sebab-sebab untuk menikmatinya. Terdapat dua jenis rezeki iaitu rezeki zahir yang merujuk kepada makanan yang memberi faedah kepada tubuh badan dan keduanya rezeki batin yang merujuk kepada makrifah-makrifah (*al-ma‘arif*) dan *al-mukāshafāt* yang memberi faedah kepada hati-hati (*al-qulūb*) dan ini adalah sebaik-baik rezeki. Manakala menurut Ibn Barrajān, rezeki bukanlah makanan dan minuman semata-mata kerana ia hanya untuk badan, tetapi rezeki sebenar ialah makanan untuk jiwa dan hati yang terdiri daripada *ma‘rifah*, ilmu-ilmu dan keyakinan. Hati memerlukan makanan sepermata badan.<sup>62</sup>

Ulama lain yang juga banyak dipengaruhi pemikiran al-Ghazālī ialah Fakhr al-Dīn al-Rāzī di dalam kitabnya *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘ālā wa al-Šifāt*. Contohnya, pada susunan penulisan, al-Rāzī menggunakan pembahagian yang sama, cuma beliau menggunakan perkataan lain yang hampir sama maksudnya. Pada fasal pertama, al-Rāzī menggunakan tajuk *al-mabādi’ wa al-muqaddimāt*, manakala al-Ghazālī menggunakan tajuk *al-sawābiq wa al-muqaddimāt*. Pada fasal kedua, al-Rāzī meletakkan tajuk *al-maqāṣid*, manakala al-Ghazālī menggunakan tajuk *al-maqāṣid wa al-ghāyat*. Pada fasal terakhir, al-Rāzī menggunakan tajuk *al-lawāhiq wa al-mutammimāt*, manakala al-Ghazālī

---

<sup>62</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 50 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 86. Teks asal Ibn Barrajān ini boleh didapati dalam Disertasi Master iaitu Shawqi ‘Alī al-Sayyid ‘Umar, “Makhtūt Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā li Abī al-Hakam ibn Barrajān: Dirāsah wa Tahqīq” (disertasi sarjana, Kuliyyah Dār al-‘Ulūm, Universiti Kaherah, 1987), 677.

menggunakan tajuk *al-lawāhiq wa al-takmīlāt*.<sup>63</sup> Selain itu, al-Rāzī juga secara jelas menyebut nama al-Ghazālī di dalam kitabnya dan memetik pandangannya ketika menerangkan maksud *al-Asmā’ al-Ḥusnā*. Ini dapat dilihat sepiritmanya ketika beliau menjelaskan maksud *al-‘Azīz*.<sup>64</sup>

‘Abd Allāh ibn ‘Umaral-Bayḍāwī (685H) juga terkesan dengan pemikiran al-Ghazālī. Ini jelas pada bahagian pendahuluan kitabnya yang berjudul *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, beliau menyatakan bahawa kitab ini ditulis setelah beliau meneliti secara khusus terhadap kitab al-Ghazālī iaitu *al-Maqṣad al-Asnā* dan kitab al-Rāzī iaitu *Lawāmi’ al-Bayyināt*. Pada fasal kesepuluh yang bertajuk Faedah-faedah Tertentu dengan Zikir dan Fikir (*al-Fawāid al-Makhṣūṣah bi al-Dhikr wa al-Fikr*), beliau menulis keseluruhan fasal ini dengan membawa pandangan al-Ghazālī tentang bagaimana berakhhlak dengan akhlak Allah S.W.T dalam fasal keempat daripada bahagian pertama iaitu pendahuluan dan pengenalan (*al-sawābiq wa al-muqaddimāt*). Contohnya, manusia berbeza-beza dalam tahap pencapaian makrifah tentang hakikat ketuhanan. Pencapaian makrifah tentang Allah S.W.T yang sebenar seperti Allah S.W.T mengenali diri-Nya adalah mustahil manusia mencapainya. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui hakikat sebenarnya diri-Nya.<sup>65</sup>

Ulama lain yang dipengaruhi al-Ghazālī melalui *al-Maqṣad al-Asnā* tetapi tidak secara langsung menyebut nama al-Ghazālī ialah Shaykh ‘Abd al-‘Azīz al-Dirīnī (m.

<sup>63</sup> Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 52; Al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 23, 59 dan 173 dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Lawāmi’ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta’āla wa al-Sifāt* (Egypt: Maṭba‘at al-Sharafiyyah, 1323H), 3, 73 dan 259.

<sup>64</sup> Maklumat lanjut, lihat al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 75; al-Rāzī, *Sharḥ Asmā’ Allāh*, 15, 191-192; dan Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 52-53 dan 55.

<sup>65</sup> Al-Bayḍāwī, *Sharḥ Asmā’ Allāh*, 130-134 dan al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 44-55.

694H) yang menamakan kitabnya dengan nama yang hampir sama dengan kitab al-Ghazālī iaitu *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ al-Asmā’ al-Husnā*. Contohnya, al-Dirīnī menjelaskan bahawa kebiasaan nama Allah S.W.T yang selalu dituturkan oleh golongan *al-‘ārifīn* ialah *al-Haqq* kerana mereka sentiasa berusaha memahami kewujudan Allah S.W.T dan mengighthbātkan-Nya. Manakala nama Allah S.W.T yang sentiasa dituturkan oleh ulama tauhid ialah *al-Bāri’* kerana mereka sentiasa berusaha mencari kaitan antara penciptaan dan Pencipta.

Terdapat persamaan antara pandangan al-Dirīnī ini dengan pandangan al-Ghazālī yang berpendapat bahawa ahli tasawuf yang mencapai tahap *fanā’* dalam diri mereka sentiasa membahagi lidah pada setiap keadaan dengan kalimah *al-Haqq*. Ini kerana, mereka sentiasa menitikberatkan *Dhāt* yang sebenar yang tidak akan musnah seperti makhluk-makhluk-Nya. Manakala golongan yang sentiasa di lidah mereka sebutan *al-Bāri’* yang bermaksud *al-Khāliq* adalah *ahl al-Kalām* kerana mereka berupaya membuktikan kebenaran tentang kewujudan Allah S.W.T melalui segala penciptaan-Nya.<sup>66</sup>

‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī (m. 816H) juga turut terpengaruh dengan pemikiran al-Ghazālī ketika menerangkan *al-Asmā’ al-Husnā* dalam kitab *Sharḥ al-Mawāqif*. Beliau memetik pandangan al-Ghazālī lebih dari sekali dan turut menyebut nama al-Ghazālī beberapa kali. Contohnya, beliau menyebut nama al-Ghazālī bersama senarai ulama yang lain iaitu al-Khalīl, Sibawayh, Abū Ḥanīfah, al-Shāfi‘ī dan Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī (m. 388H) ketika menjelaskan maksud *Allāh* sebagai kata nama khas pada *Dhāt*-Nya yang tidak disandarkan kepada

---

<sup>66</sup> Huraihan lanjut, lihat ‘Abd al-‘Azīz al-Dirīnī, *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ al-Asmā’ al-Husnā*, taḥqīq Ahmad Farīd al-Mazīdī (Kaherah: Dār al-Ḥaqīqah, 2007), 16, 65, 75; al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 67, 87, 134-135 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 55-56.

selain-Nya. Dikatakan juga bahawa nama *Allāh* tersebut merupakan *ism ‘alam jāmid* yang bukan *mushtaq* yang menjadi salah satu daripada pandangan mereka tentang nama *Allāh* tersebut. Beliau juga memetik pandangan al-Ghazālī dan menyebut nama tokoh tersebut ketika menjelaskan erti nama *al-Mutakabbir* dan *al-Raqīb*.<sup>67</sup>

Selain beliau, Ibn al-Murtadā al-Yamānī (m. 840H) yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Wazīr juga terpengaruh dengan pemikiran al-Ghazālī melalui kitabnya yang berjudul *Iḥtār al-Haqq ‘alā al-Khalq*. Beliau memetik pandangan al-Ghazālī dari karya *al-Maqṣad al-Asnā* berhubung dengan penisbahana nama *al-Zāri‘* kepada Allah S.W.T. Nama-nama tersebut tidak disandarkan kepada Allah S.W.T melainkan diletakkan *qarīnah* di sana. Contohnya, tidak boleh dinyatakan bahawa “Allah S.W.T adalah *al-Zāri‘*”, tetapi boleh dinyatakan bahawa manusia yang menabur benih bukanlah penuai tetapi Allah S.W.T yang menuai (*al-Zāri‘*). Ini penting sebagai tanda beradab dengan Allah S.W.T. Beliau juga memetik pandangan al-Ghazālī berkenaan gesaan kepada umat Islam agar mencapai martabat yang mulia dan sempurna contohnya dari aspek keilmuan dan kepemurahan. Beliau menjelaskan keperluan manusia mencontohi akhlak-akhlak Allah S.W.T berdasarkan kefahaman terhadap *al-Asmā’ al-Husnā*.<sup>68</sup>

<sup>67</sup> ‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawāqif* (Mesir: Maṭba‘at al-Sa‘adah, 1907), j. 8: 211-213, 215; ‘Aḍd al-Dīn al-Ijī, *al-Ilāhiyyāt wa al-Sam‘iyyāt wa al-Tadhyīl min Kitāb al-Mawāqif li al-Qāḍī Idd al-Dīn al-Ijī ma‘a Sharḥ al-‘Allāmah ‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī* (Leipzig: t.p., 1916), 162, 164, 166-167; al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 76, 122 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 57.

<sup>68</sup> Huraian lanjut, lihat Ibn al-Wazīr, *Iḥtār al-Haqq*, 172 dan 189-190; al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 47 dan 185 dan ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “al-Maqṣad al-Asnā”, 57-58.

Muhammad ibn Yūsuf ibn Shu‘ayb al-Sanūsī al-Tilimsānī al-Ḥasanī (m. 895H) juga banyak mengambil pendapat al-Ghazālī tentang *al-Asmā’ al-Ḥusnā* di dalam kitab yang berjudul *Sharḥ al-Asmā’ al-Ḥusnā*. Antara pandangan al-Ghazālī yang dipetik ialah perbincangan berkenaan sama ada *al-Asmā’ al-Ḥusnā* perlu *ditawqīf* atau sebaliknya. Perbincangan ini dibahaskan oleh al-Ghazālī pada bahagian akhir kitabnya. Beliau menyebut bahawa Abū Ḥasan al-Ash‘arī berpandangan *al-Asmā’ al-Ḥusnā* perlu *ditawqīf*.

Terdapat juga pendapat ulama seperti al-Qādī Abū Bakr al-Bāqillānī (m. 403H) yang mengharuskan penisbahan nama kepada Allah S.W.T melainkan terdapat larangan jelas secara *tawqīf*. Akhirnya beliau memilih pandangan al-Ghazālī iaitu penisbahan nama kepada Allah S.W.T adalah secara *tawqīf* manakala penisbahan sifat dibenarkan jika tidak membawa kepada kekurangan pada maknanya.<sup>69</sup>

### Kewajaran *Al-Maqṣad Al-Asnā* Sebagai Karya Rujukan

*Al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā* wajar dijadikan karya rujukan kerana dua aspek. Aspek pertama merujuk kepada keistimewaan latar belakang kitab dan aspek kedua merujuk kepada kaitan di antara akidah dan

---

<sup>69</sup> Selain itu, al-Sanūsī juga menghuraikan maksud *Allāh* menyamai huraian al-Ghazālī dengan lafadz yang berbeza iaitu merujuk kepada nama yang agung (*ism al-a‘zam*) bagi Tuhan yang wujud secara hakiki. Nama ini merupakan *al-jāmi’* iaitu penghimpun bagi sifat-sifat Allah S.W.T yang lain. Lihat al-Ghazālī, *al-Maqṣad al-Asnā*, 61, 183-186; Abū ‘Abd Allāh Muhammad al-Sanūsī, *Sharḥ al-Asmā’ al-Ḥusnā*, tahnīq Nizār Ḥamādī (Beirut: Muassasat al-Mā‘arif li al-Tibā’ah wa al-Nashr, 2008), 26-27. Menurut kajian Master oleh ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, terdapat judul lain tulisan al-Sanūsī yang berbeza dengan judul ini dalam bentuk manuskrip di Dār al-Kutub al-Miṣriyyah iaitu *Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*. Lihat ‘Isā ‘Abd Allāh ‘Alī, “*al-Maqṣad al-Asnā*”, 58.

akhlak yakni huraian kaedah kefahaman *al-Asmā’ al-Husnā* dan kesan akhlakiahnya.

Berhubung dengan aspek pertama, kitab tersebut mempunyai keistimewaan yang tersendiri sehingga mewajarkannya dijadikan sebagai karya rujukan dalam bidang akidah di samping bidang akhlak. Kitab ini ditulis oleh seorang tokoh yang sangat arif dalam bidang akidah di samping akhlak manusia. Selari dengan kepakaran penulisnya, kitab ini juga bertemakan akidah dan tasawuf atau akhlak.

Al-Ghazālī telah menggunakan pelbagai rujukan dalam kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Rujukan yang paling penting adalah al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. Beliau juga menukilkan kata-kata sahabat Rasulullah S.A.W iaitu Abū Bakr al-Šiddīq r.a. Pandangan para ulama juga dijadikan sandaran hujah-hujah al-Ghazālī ketika membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā* seperti al-Šāfi‘ī, Dhū al-Nūn al-Miṣrī, Hātim al-Āṣamm, Abū Yazīd al-Biṣṭāmī, al-Turmudī, al-Ash‘arī, ‘Ibn Ḥazm al-Zāhirī, al-Bāqillānī, al-Bayhaqī, al-Qushayrī, Abū ‘Alī al-Farmadī dan Abū al-Qāsim al-Kurkānī. Al-Ghazālī juga membawa pandangan ahli tasawuf, *ahl al-Kalām* dan *ahl al-sunnah* secara umum tanpa disebut nama-nama mereka. Di samping al-Quran, Hadith, sahabat dan para ulama, beliau juga turut menggunakan karyanya sendiri iaitu *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dalam *Kitāb al-Shukr*, *Kitāb al-Mahabbah* dan *Kitāb al-Tawakkal* dan *Tahāfut al-Falāsifah* ketika membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā*.

Ciri-ciri keistimewaan kitab juga dapat dilihat pada penggunaan metode *al-‘aql* untuk menyokong segala hujah *al-naql* yang menggunakan al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. Al-Ghazālī menggunakan pendekatan *wasaṭiyah* yang berbeza dengan pendekatan golongan *al-Hashawiyah* dan Muktazilah. Pada aspek metode pemaparan fakta (*tariqat al-‘arad*), al-Ghazālī menggunakan kaedah soal dan jawab dan menukilkan

beberapa cerita-cerita kesufian. Kaedah huraian al-Ghazālī dalam *al-Maqṣad al-Asnā* sesuai untuk difahami oleh golongan sasar yang terdiri daripada tiga golongan utama iaitu *al-‘awām*, *al-khawāṣṣ* dan *ahl al-jadāl*.

Untuk *al-‘awām* yang merupakan majoriti dari kalangan umat Islam, al-Ghazālī menggunakan pendekatan yang mudah difahami untuk mereka ketika menghuraikan setiap makna dan nilai yang terkandung dalam *al-Asmā’ al-Husnā*. Akhirnya, pengaruh kitab kepada para ulama selepasnya dapat diperhatikan pada ulama seperti Ibn Barrajān, al-Rāzī, al-Bayḍāwī, al-Dirīnī, al-Jurjānī, Ibn al-Wazīr dan al-Sanūsī. Ini memberi nilai tambah kepada keistimewaan kitab ini dan mewajarkannya untuk dijadikan rujukan.

Berhubung dengan aspek kedua, ia merujuk kepada keistimewaannya secara khusus berkenaan huraianya tentang kefahaman *al-Asmā’ al-Husnā* dan kesannya kepada akhlak manusia. Secara ringkasnya, kefahaman *al-Asmā’ al-Husnā* perlu diperolehi berdasarkan tiga peringkat:

- a) Peringkat pertama, peringkat ini menekankan seseorang itu agar memberi fokus kepada usaha untuk mencapai *al-ma’rifah* tentang sifat-sifat Allah S.W.T dengan keyakinan yang teguh dan hati yang telah dibersihkan daripada keinginan untuk mencapai matlamat sesuatu yang selain daripada Allah S.W.T.
- b) Peringkat kedua yakni seseorang itu menekankan pengagungan (*al-isti’zām*) dan pemuliaan (*al-istiṣhrāf*) terhadap Allah S.W.T yang mendorong seseorang bersifat (*al-ittisāf*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T. Dorongan itu melibatkan rindu (*shawq*) dan asyik (*ishq*) terhadap sifat-sifat-Nya dan sangat menitikberatkan penghiasan diri (*al-taḥallī*) dengan sifat-sifat Allah S.W.T dengan sempurna sekadar kemampuannya yang ada.

- c) Peringkat ketiga yakni seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh (*iktisāb*) untuk berakh�ak (*al-takhalluq*) dan menghiaskan diri (*al-tahallī*) dengan sifat-sifat tersebut. Ini melayakkan mereka mencapai kedudukan insan *rabbānī* di sisi Allah S.W.T dan menjadi rakan rapat (*rafiq*) kepada para malaikat yang berada di kedudukan tertinggi. Seseorang yang melakukan kaedah ini, ia akan berjaya untuk berakh�ak dengan mana-mana *al-Asmā' al-Husnā*.

Seseorang yang berjaya berakh�ak dengan *al-Asmā' al-Husnā* akan terzahir kesan-kesan akhlakiah pada dirinya. Apabila seseorang itu ingin mengetahui bagaimana menerapkan ciri-ciri akhlak mulia di dalam dirinya, ia perlu memahami bahawa ia dapat diterapkan berdasarkan paradigma tauhid secara langsung iaitu kefahaman terhadap *al-Asmā' al-Husnā* sebagaimana yang terdapat dalam *al-Maqṣad al-Asnā*. Oleh itu, karya ini sesuai dijadikan sebagai rujukan bagi maksud mencari hubung kait langsung di antara akidah dan akhlak.

### Kesimpulan

Rumusannya, kitab ini bertemakan akidah di samping tasawuf atau akhlak. Kandungan kitab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membahaskan persoalan *al-ism*, *al-musammā* dan *al-tasmiyyah*. Bahagian ini membahaskan *al-Asmā' al-Husnā* yang membawa pengertian yang hampir sama. Selain itu, bahagian ini juga membahaskan *al-Asmā' al-Husnā* yang membawa banyak makna serta kebahagiaan yang bakal dikecapi oleh manusia yang menjadikan *al-Asmā' al-Husnā* tersebut sebagai akhlak dalam kehidupan mereka. Bahagian kedua pula menghuraikan sembilan puluh sembilan nama Allah S.W.T secara terperinci dan kesan akhlakiah setelah memahaminya. Bahagian ketiga menjelaskan *al-Asmā' al-Husnā* tidak hanya berjumlah

sembilan puluh sembilan kerana terdapat kelebihan-kelebihan dikhususkan jumlah tersebut.

Al-Ghazālī telah menggunakan pelbagai rujukan ketika menulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā*. Antara rujukan yang paling penting adalah al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. Beliau juga menukilkan kata-kata sahabat Rasulullah S.A.W iaitu Abū Bakr al-Siddīq r.a. Pandangan para ulama juga dijadikan sandaran hujah-hujah al-Ghazālī ketika membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā* seperti al-Shāfi‘ī, Dhū al-Nūn al-Miṣrī, Ḥātim al-Āṣamm, Abū Yazid al-Bīṣṭāmī, al-Turmuḍī, al-Ash‘arī, Ibn Ḥazm al-Zāhirī, al-Bāqillānī, al-Bayhaqī, al-Qushayrī, Abū ‘Alī al-Farmadīhī dan Abū al-Qāsim al-Kurkānī. Al-Ghazālī juga membawa pandangan ahli tasawuf, *ahl al-Kalām* dan *ahl al-sunnah* secara umum tanpa disebut nama-nama mereka. Di samping al-Quran, Hadith, sahabat dan para ulama, beliau juga turut menggunakan karyanya sendiri iaitu *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dalam *Kitāb al-Shukr*, *Kitāb al-Maḥabbah* dan *Kitāb al-Tawakkal* dan *Tahāfut al-Falāsifah* ketika membahaskan *al-Asmā’ al-Husnā*.

Ciri-ciri keistimewaan kitab dapat dilihat pada penggunaan metode *al-‘aql* untuk menyokong segala hujah *al-naql* yang menggunakan al-Quran dan Hadith Rasulullah S.A.W. Al-Ghazālī juga menggunakan pendekatan *wasaṭiyah* yang berbeza dengan pendekatan golongan *al-Hashawiyah* dan Muktazilah. Pada aspek metode pemaparan fakta (*tariqat al-‘araḍ*), al-Ghazālī menggunakan kaedah soal dan jawab dan menukilkan beberapa cerita-cerita kesufian. Kaedah huraiān al-Ghazālī dalam *al-Maqṣad al-Asnā* sesuai untuk difahami oleh golongan sasar yang terdiri daripada tiga golongan utama iaitu *al-‘awām*, *al-khawāṣṣ* dan *ahl al-jadal*. Akhirnya, pengaruh kitab kepada para ulama selepasnya dapat diperhatikan pada ulama seperti Ibn Barrajān, al-Rāzī, al-Bayḍāwī, al-Dirīnī, al-Jurjānī, Ibn al-Wazīr dan al-Sanūsī. Keistimewaan ini mewajarkan kitab ini dijadikan sebagai

rujukan penting khususnya tentang akidah di samping bidang akhlak.

## Rujukan

- Abu-Sway, Mustafa. *al-Ghazzaliyy: A Study In Islamic Epistemology*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), 1996.
- Al-‘Ajam, Rafiq. *Mawsū‘at al-Muṣṭalahāt al-Taṣawwuf al-Islāmiyy*. Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn, 1999.
- ‘Alī, ‘Isā ‘Abd Allāh. “al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Husnā (li al-Imām Ḥujjat al-Islām Abī Ḥāmid al-Ghazālī al-Mutawaffā Sanah 505H): Dirāsah wa Taḥqīq”. Disertasi Sarjana, Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar, 1988.
- Al-Āmīdī, Ṣayf al-Dīn. *Ghāyat al-Marām fī ‘Ilm al-Kalām*, taḥqīq Ḥasan Maḥmūd ‘Abd al-Laṭīf. Kaherah: Lajnah Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī, 1971.
- Al-Ash‘arī, ‘Alī ibn Ismā‘īl. *Maqālāt al-Islāmiyyin wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, taḥqīq Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, cet. ke-2. Kaherah: Maktabat al-Nahḍat al-Miṣriyyah, 1969.
- Al-Ash‘arī, ‘Alī ibn Ismā‘īl. *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, taḥqīq Fawqiyyah Ḥusayn Maḥmūd. Kaherah: Dār al-Anṣār, 1977.
- Al-Ash‘arī, ‘Alī ibn Ismā‘īl. *Kitāb al-Luma‘ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida‘*. t.tp.: Matba‘ah Miṣr Sharikah Māhimah Miṣriyyah, 1955.
- Badawī, ‘Abd al-Raḥmān. *Muallafāt al-Ghazālī*, cet. ke-3. Kuwait: Wakālat al-Maṭbū‘āt, 1977.
- Al-Baghdādī, ‘Abd al-Qāhir ibn Ṭāhir. *Kitab Uṣūl al-Dīn*. Istanbul: Maṭba‘at al-Dawlah, 1928.
- Al-Bājūrī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm. *Ḩāshiyat al-Imām al-Bayjūrī ‘alā Jawharat al-Tawḥīd al-Musammā Tuhfat al-Murid ‘alā Jawharat al-Tawḥīd*, taḥqīq ‘Alī Jum‘ah Muhammad al-Shāfi‘ī. Kaherah: Dār al-Salām, 2002.

- Al-Bāqillānī, Muḥammad ibn al-Tayyib. *al-Inṣāf fīmā Yajib I’tiqāduh wa lā Yajūz al-Jahl bih fī ‘Ilm al-Kalām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.
- Al-Bāqillānī, Muḥammad ibn al-Tayyib. *Kitāb Tamhīd al-Awāil wa Talkhiṣ al-Dalāil*, taḥqīq ‘Imād al-Dīn Aḥmad Ḥaydar. Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1987.
- Al-Bayḍāwī, ‘Abd Allāh ibn ‘Umar. *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Khālid al-Jundī. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2009.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn. “al-Sunan al-Kubrā”, taḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn. *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt*. Kaherah: al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turāth, 1939.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn. *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt*. Madinah: Maṭābi‘ Dār Ashraf Riḍā li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2007.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn Ḥusayn. *al-I’tiqād wa al-Hidāyah ilā Sabīl al-Rashād*, cet. ke-2. Beirut: ‘Ālam al-Kutub, 1985.
- Dāwūd, Al-Sayyid Muḥammad Ṣāliḥ. “al-Dars al-Dilālī ‘inda Abī Ḥāmid al-Ghazālī fī Kitabayhi: al-Mankhūl min Ta’liqāt al-Uṣūl, al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā”. Tesis kedoktoran, Kuliyyat al-Adab, Universiti al-Iskandariyyah, 2008.
- Al-Dirīnī, ‘Abd al-‘Azīz. *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ al-Asmā’ al-Ḥusnā*, taḥqīq Aḥmad Farīd al-Mazīdī. Kaherah: Dār al-Ḥaqīqah, 2007.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. “al-Munqidh min al-Dalāl”. Dalam *Majmū‘at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buhūth wa al-Dirāsāt. Beirut: Dār al-Fikr, 2008.

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. “Kīmīyā’ al-Sa‘ādah”. Dalam *Majmū‘at al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, ed. Maktab al-Buhūth wa al-Dirāsāt. Beirut: Dār al-Fikr, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*. Beirut: Dār al-Minhāj, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Abū Sahl dan Najāh ‘Iwād Siyām. Kaherah: Dār al-Muqṭim, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht. Kaherah: Maktabat al-Qur’ān. 2001.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Ma‘āni Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, ta‘līq Bassām ‘Abd al-Wahhāb al-Jābī. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2003.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *al-Maqṣad al-Asnā Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*, ta‘līq Maḥmūd Bījū. Damshiq: Maṭba‘at al-Ṣabāḥ, 1999.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, 1999.
- Al-Ghisnī, ‘Abd Allāh ibn Ṣalih. *Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*. Riyadh: Dār al-Waṭn, 1996.
- Al-Harari, ‘Abd Allāh. *al-Sharḥ al-Qawīm fī Hall Alfāz al-Širāṭ al-Mustaqīm*, cet. ke-7. Beirut: Sharikah Dār al-Mashāri‘, 2007.
- Hāfi Khalfah, Muṣṭafā ibn ‘Abd Allāh. *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1941.
- Hārūn, ‘Abd al-Salām Muḥammad. *Taḥqīq al-Nuṣūṣ wa Nashrihā*, cet. ke-5. Kaherah: Maktabat al-Sunnah, 2008.
- Ibn al-‘Imād, Shihāb al-Dīn Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, taḥqīq Maḥmūd al-Arnā’ūt. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1989.

- Ibn al-‘Imād, Shihāb al-Dīn Abū al-Falāḥ ‘Abd al-Hayy ibn Aḥmad. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*. Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1932.
- Ibn al-Wazīr, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad. *Īthār al-Haqq ‘alā al-Khalq*. Kaherah: al-Maṭba‘at al-Adab wa al-Muayyid, 1318H.
- Ibn Hazm, Abū Muḥammad ‘Alī. *al-Muḥallā*, taḥqīq Muḥammad Munīr al-Dimashqī. t.t.p.: Idārat al-Tibā‘at al-Munīriyyah, 1350H.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘īl. *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, taḥqīq ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muhsin al-Turkī. Giza: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsat al-‘Arabiyyat al-Islāmiyyah, 1998.
- Ibn Khallikān, Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad. *Wafayāt al-A‘yān wa-Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, taḥqīq Iḥsān ‘Abbās. Beirut: Dār Sādir, 1971.
- Muḥammad ibn Mukarram ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*. t.t.p.: Dār al-Ma‘ārif, t.t.
- Ismā‘īl Afandi Ḥaqqī. *Rūh al-Bayān*. t.t.p.: al-Maṭba‘at al-‘Āmirah, 1287H.
- Al-Ījī, ‘Abd al-Rahmān ibn Aḥmad. *al-Mawāqif fī ‘Ilm al-Kalām*. Beirut: ‘Ālim al-Kutub, t.t.
- Al-Ījī, ‘Abd al-Rahmān ibn Aḥmad. *al-Ilāhiyyāt wa al-Sam‘iyāt wa al-Tadhyīl min Kitāb al-Mawāqif li al-Qādī Idd al-Dīn al-Ījī ma‘a Sharḥ al-‘Allāmah ‘Alī ibn Muḥammad al-Jurjānī*. Leipzig: t.p., 1916.
- Al-Isfirāyīnī, Abū al-Muzaffar. *al-Tabsīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqat al-Nājiyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*. Kaherah: Maṭba‘at al-Anwār, 1940.
- Al-Junayd, Abū al-Qāsim. *Rasā'il al-Junayd*, taḥqīq ‘Alī Ḥasan ‘Abd al-Qādir. Iskandariyyah: Bur‘ī Wajday, 2003.
- Al-Jurjānī, ‘Alī ibn Muḥammad. *Kitāb al-Ta‘rīfāt*. Beirut: Maktabah Lubnān, 1985.
- Al-Jurjānī, ‘Alī ibn Muḥammad. *Sharḥ al-Mawāqif*. Mesir: Maṭba‘at al-Sa‘adah, 1907.

- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Al-Kalābādī, Abū Bakr Muḥammad. *al-Ta‘arruf li al-Madhhab Ahl al-Taṣawwuf*, taḥqīq Aḥmad Shams al-Dīn. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- M. Quraish Shihab. *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2005.
- Mohd Abduh bin Abu Samah@Hashim. “Pemikiran Akidah al-Imam al-Ghazzali Dalam Kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*: Analisis Terhadap Kitab *Qawā‘id al-‘Aqā‘id*”. Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. “Al-Ghazzālī and His Refutation of Philosophy”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 21 (2005): 1-22.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj ibn. “Şahîh Muslim”, taḥqīq Khalīl Ma’mūn Shayhā. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2010.
- Al-Madkûr, ‘Abd al-Ḥamīd. “Ittijāhāt al-Muslimīn Naḥwa al-Taṣawwuf”. Dalam *Mawsū‘at al-Taṣawwuf al-Islāmī*, ed. Maḥmūd Ḥamdi Zaqqūq. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 2009.
- Al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asāsī*. t.tp.: al-Munżamat al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, t.t.
- Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Ed. Mujamma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyah. Mesir: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah, 2005.
- Al-Munjid fī al-Lughah wa al-A‘lām*. Cet. ke-30. Beirut: Dār al-Mashriq, 1988.
- Al-Qurṭubī al-Anṣārī, Muḥammad ibn Aḥmad. *al-Asnā fī Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā wa Sifātihi*, taḥqīq ‘Irfān ibn Salīm al-‘Ashāḥassūnah. Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah, 2008.

- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin. *al-Tahbīr fī al-Tadhkīr Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin. *al-Risālat al-Qushayriyyah*, taḥqīq ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. Kaherah: Maṭābi‘ Muassasah Dār al-Shā‘b, 1989.
- Al-Qushayrī, ‘Abd al-Karīm ibn Hawāzin. *Arba‘ Rasāil fī al-Taṣawwuf li Abī al-Qāsim al-Qushayrī*, taḥqīq Wasīm al-Sāmilā‘ī. t.tp.: Maṭba‘at al-Jam‘ al-‘Ilmi al-‘Irāqī, 1969.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘āla wa al-Ṣifāt*. Egypt: Maṭba‘at al-Sharafiyah, 1323H.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Sharḥ Asmā’ Allāh al-Ḥusnā li al-Rāzī wa Huwa al-Kitāb al-Musammā Lawāmi‘ al-Bayyināt Sharḥ Asmā’ Allāh Ta‘āla wa al-Ṣifāt*. Kaherah: al-Maktabat al-Azhariyyah li al-Turāth, 2000.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1981.
- Al-Sanūsī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad. *Sharḥ al-Asmā’ al-Ḥusnā*, taḥqīq Nizār Ḥamādī. Beirut: Muassasat al-Ma‘ārif li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2008.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm. *al-Milal wa al-Nihāl*. Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah, 2010.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn. *Ṭabaqāt al-Šāfi‘iyyat al-Kubrā*, taḥqīq ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī. Kaherah: Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.
- Tāsh Kubrā Zādah, Mawlā Aḥmad ibn Muṣṭafā. *Miftāḥ al-Sa‘ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah*. Heydarabad: Maṭba‘ah Dāirat al-Ma‘ārif al-Niẓāmiyyah, t.t.
- Al-Turmudī, Abū ‘Isā Muḥammad. “Jāmi‘ al-Tirmidhī”. Dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf*: *al-Kutub al-*

*Sittah*, ed. Sāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.

Vural, Mehmet. “Classic Logic of Al-Ghazālī Methodology”, *Journal of Islamic Research*, volume. 3, no: 2, (2010): 143-148.

Al-Yāfi‘ī, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn As‘ad. *Mir’āt al-Jinān wa ‘Ibrat al-Yaqzān*. Heydarabad: Matba‘ah Dāirat al-Ma‘ārif al-Nizāmiyyah, t.t.

Al-Zūbī, Mamdūh. *Mu‘jam al-Sūfiyyah*. Beirut: Dār al-Jīl, 2004.

‘Abd al-Ḥamīd Madkūr (Profesor, Jabatan Falsafah Islam, Kuliyyah Dār al-‘Ulūm, Universiti Kaherah), dalam temu bual dengan penulis, 2 dan 7 Julai 2010.